

# PM: Taktik Mat Sabu supaya ditangkap

Oleh SITI HATIJA YUSOF

**K**UALA LUMPUR 15 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata tingkahlaku Naili Ketua Pemuda Pas, Mohamad Sabu dalam *road show*nya di seluruh negara jelas menunjukkan beliau sengaja mahu pihak polis menangkapnya.

Kata Perdana Menteri, Mohamad Sabu berharap sekiranya dia ditangkap, tumpuan masyarakat terhadap kes khalwatnya dengan isteri orang akan beralih kepada isu penangkapannya.

Beliau berkata, para pemimpin Pas lain pula akan menjadikan tangkapan Mohamad Sabu itu nanti sebagai isu untuk menuduh kerajaan sebagai kejam dan tidak mengamalkan sikap demokrasi.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata pihak polis setakat ini tidak akan mengambil sebarang tindakan terhadap Ahli Parlimen Nilam Puri

itu.

“Beliau (Mohamad Sabu) sebenarnya sengaja membuat pelbagai tindakan atau kerehah agar pihak polis menangkapnya.

“Ini akan menyebabkan orang ramai simpati kepada tangkapan beliau dan terus melupakan isu khalwat itu, sedangkan kita tidak mahu orang ramai melupakan isu khalwat itu sehingga pilihanraya habis,” katanya.

[ Lagi laporan dan gambar di muka 2 ].

Dr. Mahathir berkata demikian sebagai menjawab soalan mengenai langkah pihak polis dalam menangani *road show* Mohamad Sabu di sesi dialog dengan lebih 5,000 anggota UMNO sempena majlis penerangan perdana parti itu, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Bagaimanapun menurut Perdana Menteri, pihak polis sentiasa mengkaji setiap isi kandungan

■ Lihat muka 2

## PM: Taktik Mat Sabu supaya ditangkap

ceramah para pemimpin Pas itu dan sekiranya melampaui batas, tindakan akan tetap diambil.

Beliau berkata setakat ini kerajaan tidak mahu menggunakan apa-apa tindakan terhadap Mohamad Sabu kerana kerajaan mahu membuktikan keikhlasan dan pegangan sebagai negara demokrasi.

“Kita tidak mahu Pas akan kata kerajaan sengaja mahu tangkap Mohamad Sabu,” katanya.

Dr. Mahathir juga mempertikaikan Mahkamah Syariah Kelantan yang menangguhkan kes khalwat Ahli Parlimen Nilam Puri itu yang sepatutnya didakwa semalam.

“Saya hendak tahu sama ada badan itu telah terpengaruh atau tidak oleh pihak-pihak tertentu kerana bukannya sukar untuk menyediakan bahan dakwaan kerana saksinya telah ada.

“Semasa tangkapan dibuat telah ada lapan saksi, lebih daripada empat orang. Malah telah sah dilihat Mat Sabu dengan Norma berdua-duaan dalam bilik itu,” katanya.

Menjawab soalan yang menyatakan peristiwa tangkapan khalwat Mohamad Sabu dengan Norma Abdul Halim telah memberikan keuntungan kepada Pas, Dr. Mahathir berkata, sebenarnya isu itu banyak menguntungkan UMNO sendiri lebih-lebih lagi menjelang pilihanraya umum akan datang.

“Ini adalah isu besar, tidak perlu lagi bincang soal pengguguran perkataan Islam pada nama parti itu tetapi isu Mat Sabu ini telah mencukupi,” katanya.

Selain itu, Dr. Mahathir juga mahukan Ketua Dewan Ulama Pas, Nik Aziz Nik Mat menyerahkan kes khalwat Mohamad Sabu dengan Norma itu kepada mahkamah untuk menentukannya.

Beliau berkata, ketika UMNO menangani kes bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik dahulu, parti itu menyerahkan sepenuhnya kepada mahkamah tanpa mempertahankannya.

“Tetapi Pas, jika orang-orangnya bersalah, mereka membuat keputusan sendiri dengan mengadakan *road show* seperti sarkas atau boleh dikatakan sebagai Sarkas Mat Sabu.

“Saya lihat sewaktu kes Rahim dulu, beliau (Rahim) tidak pun buat *road show*, dia dengan rela hati meletakkan jawatan walaupun tiada sesiapa yang buat tangkapan khalwat terhadap beliau,” katanya.